



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Melaka
(PLANMalaysia Melaka)



PANDUAN



PELAKSANAAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL BAGI PROJEK PEMBANGUNAN (PPSIA) NEGERI MELAKA

EDISI KETIGA

CETAKAN KE 3 2024

© Hak Cipta Terpelihara

Tiada mana-mana bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran daripada;

Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka
(PLANMalaysia Melaka)

Diterbitkan di Malaysia
oleh
Bahagian Kawalan Perancangan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka
(PLANMalaysia Melaka)

PEMBERITAHUAN

Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Projek Pembangunan (PPSIA) Peringkat Negeri Melaka ini telah diluluskan pemakaianya di dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil.1/2024 pada 16 Oktober 2024.

Pelaksanaan semasa bagi permohonan SIA di Negeri Melaka adalah berpandukan kepada Manual Penilaian Impak Sosial Edisi 2 Negeri Melaka yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil.10/2023 bertarikh 29 Mac 2023 dan PPSIA yang disediakan oleh pihak PLANMalaysia Ibu Pejabat.

ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	
1.1	Tujuan	1
1.2	Prinsip Dalam SIA	2
1.3	Faedah SIA	3
2.0	KRONOLOGI PENERIMAAN, PEMAKAIAN SERTA PEWARTAAN AKTA A1522 DI PERINGKAT NEGERI MELAKA	4
3.0	KATEGORI SIA	
3.1	Kategori A	7
3.2	Kategori B	11
4.0	KADAR BAYARAN FI PERMOHONAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) KATEGORI B DAN BAYARAN HONORARIUM BAGI AHLI PAKAR	14
5.0	PROSES PENILAIAN LAPORAN SIA	16
6.0	PENUTUP	

SENARAI JADUAL

- Jadual 3.1 Senarai Projek Pembangunan Bagi SIA Kategori A**
- Jadual 3.2 Senarai Projek Pembangunan Bagi SIA Kategori B**
- Jadual 4.1 Bayaran Honararium Mesyuarat SIA Negeri Melaka**
- Jadual 4.2 Cadangan Fee Pemprosesan Permohonan SIA Negeri Melaka**
- Jadual 5.1 Keanggotaan Panel Penilai Laporan SIA Peringkat Persekutuan**
- Jadual 5.2 Keanggotaan Panel Penilai Laporan SIA Peringkat Negeri**
- Jadual 5.3 Kategori Pengemukakan Laporan SIA**

SENARAI RAJAH

- Rajah 5.1 Prosedur Penilaian SIA (Kategori A)**
- Rajah 5.2 Prosedur Penilaian SIA (Kategori B)**

1.0 PENGENALAN

Buku Panduan ini disediakan bagi menjelaskan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Projek Pembangunan (PPSIA) Negeri Melaka selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), khususnya melalui pindaan pada tahun 2017 iaitu Akta A1522.

Tujuan utama PPSIA ini diterbitkan adalah untuk memberi panduan kepada penggerak projek dan perunding SIA di dalam penyediaan laporan SIA supaya ianya berkualiti dan dapat berperanan bagi membantu di dalam proses membuat keputusan yang berkesan di dalam mengurus isu-isu sosial yang terhasil daripada sesuatu projek pembangunan.

PPSIA ini disediakan selaras dengan amalan-amalan terbaik dengan merujuk kepada *The International Principles for Social Impact Assessment, 2015*. Manual ini juga boleh digunakan bagi tujuan pengawalseliaan sendiri (*self regulation*) bagi mana-mana projek yang telahpun diluluskan atau yang sedang berjalan yang memerlukan pengurusan isu-isu sosial. Manual ini adalah terpakai bagi penyediaan Laporan SIA untuk projek pembangunan sahaja.



EDISI KETIGA

EDISI KETIGA

Pembangunan Sosial Yang Mampan Sebagai Matlamat Projek Pembangunan

SIA didefinisikan sebagai satu proses menganalisis, memantau dan mengurus impak sosial yang dijangka berlaku atau tidak terjangka sama ada impak positif atau negatif, ke atas sesuatu langkah intervensi (dasar, program, pelan dan projek) dan apa-apa proses perubahan sosial yang terhasil daripada langkah intervensi tersebut.

(*The International Principles for Social Impact Assessment, 2015*)



PRINSIP DALAM SIA

Prinsip-prinsip utama di dalam menyediakan laporan SIA adalah seperti berikut :

1. Kesaksamaan dijadikan sebagai asas pertimbangan dan perancangan pembangunan.
2. Kebanyakan impak sosial dapat dijangkakan dan diurus.
3. Sebarang cadangan pembangunan boleh diubah bagi mengurangkan impak sosial negatif dan meningkatkan impak positif.
4. SIA hendaklah menjadi komponen penting di dalam proses pembangunan dan melibatkan semua peringkat dari peringkat awal sehingga peringkat audit susulan.
5. Perlu ada fokus kepada kemampuan sosial di mana dengan adanya SIA dapat menyumbang kepada penentuan opsyen pembangunan yang optimum.
6. Di dalam cadangan pembangunan dan penilaian yang dilaksanakan, faktor pengukuhan modal insan bagi komuniti setempat dan proses-proses demokrasi perlu dititikberatkan.
7. Bagi sebarang cadangan pembangunan yang mempunyai impak yang tidak dapat dielakkan, langkah bersesuaian perlu dikenal pasti bagi memastikan komuniti terjejas mendapat manfaat.
8. SIA hendaklah mengambil kira alternatif-alternatif bagi cadangan pembangunan, terutamanya pembangunan yang melibatkan impak yang tidak dapat dielakkan.
9. Pertimbangan sepenuhnya hendaklah diberi kepada langkah mitigasi impak sosial dan alam sekitar, walaupun komuniti setempat bersetuju dengan cadangan pembangunan yang telah dirancang.
10. Tiada keganasan, gangguan, ugutan dan paksaan di dalam penilaian atau pelaksanaan projek.

(*The International Principles for Social Impact Assessment, 2015*).

FAEDAH SIA

Faedah-faedah yang boleh diperolehi hasil daripada pelaksanaan SIA adalah seperti berikut :

1. Kesaksamaan sosial dan ekuiti.
2. Penerimaan komuniti terhadap projek pembangunan.
3. Memaksimumkan faedah sosio ekonomi dan meminimumkan kos.
4. Mempertingkatkan keberkesanan projek melalui pengetahuan dan pengalaman tempatan.
5. Membangunkan kapasiti komuniti.
6. Melindungi golongan mudah terjejas (*vulnerable group*).

Faedah-faedah pelaksanaan SIA kepada pihak kerajaan, komuniti dan sektor swasta adalah seperti berikut:

a) Kerajaan

1. Dasar inklusif kerajaan dapat dilaksanakan di mana semua golongan dapat menikmati hasil kemakmuran negara melalui pelaksanaan SIA.
2. Proses membuat keputusan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan berdasarkan maklumat kuantitatif dan analisis yang telah dibuat.

b) Komuniti

1. Pandangan serta aspirasi komuniti dijadikan input yang penting di dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan melalui penyertaan awam yang berkesan.
2. Meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat iaitu mengelakkan kesan tidak diingini dan mewujudkan kesan-kesan yang baik.

c) Sektor Swasta

1. Projek dapat berjalan lancar tanpa ada gangguan.
2. Mencegah kesilapan dan kos luar jangka yang perlu ditanggung.

Walaupun SIA memberi fokus kepada kemampanan sosial, ianya juga bertujuan ke arah memupuk penggerak projek untuk menjadi **rakan kepada komuniti** di dalam menerapkan perubahan sosial positif bagi meningkatkan kesejahteraan sesuatu komuniti khususnya mereka yang **terpinggir, terabai dan kumpulan yang kurang berasas baik** di dalam komuniti.

SIA diperingkat projek pembangunan merupakan satu alat membuat keputusan yang berkesan bagi memastikan isu-isu sosial yang meliputi impak sosial dan proses perubahan sosial yang terhasil daripada sesutu projek pembangunan.

2.0 KRONOLOGI

1. Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka Bil.2/2018 Jawatankuasa Perancang Negeri Bil2/2018 yang bersidang pada 28 Jun 2018 telah **bersetuju** terhadap penerimapakaian dan pewartaan Akta A1522 di Negeri Melaka.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka Bil.6/2020 yang bersidang pada 10 Jun 2020 dan disahkan pada 17 Jun 2020 telah meluluskan Cadangan Penerimapakaian Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 (Akta A1522) dan Manual Penilaian Impak Sosial (SIA) bagi projek pembangunan (Edisi Ke-2) di Negeri Melaka.

3. Penerimapakaian Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 (Akta A1522) dan Manual Penilaian Impak Sosial (SIA)

Akta A1522 telah diwartakan pada 1 April 2021 dan berkuatkuasa pada tarikh permulaan kuat kuasa berikutan tarikh tersiarinya di dalam Warta Kerajaan sebagai tarikh Akta itu mula berkuat kuasa bagi seluruh Negeri Melaka.

4. Pindaan melalui Mesyuarat Khas Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka yang bersidang pada 20 Februari 2023 telah bersetuju terhadap pindaan bagi Tatacara Pemrosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Melaka.

5. Pindaan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka Bil.10/2023 yang bersidang pada 29 Mac 2023 telah bersetuju terhadap pindaan bagi Tatacara Pemrosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Melaka.

6. Pindaan melalui Mesyuarat Khas Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka

Kertas Kerja Pelaksanaan PPSIA Negeri Melaka telah diangkat ke JPN (Bil.2/2024) pada 6 Jun 2024. Mesyuarat bersetuju dengan pindaan terhadap Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (PPSIA) Negeri Melaka dan seterusnya diangkat ke MMKN untuk kelulusan dan Mesyuarat bersetuju Tatacara Pemrosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Melaka adalah terbatal selepas PPSIA mendapat kelulusan MMKN.

7. Kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) P.15 Bil.28/2024

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan Pelaksanaan PPSIA Negeri Melaka untuk diterima pakai di Negeri Melaka berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2024.

3.0 KATEGORI SIA

Setiap pembangunan bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk termasuk peningkatan dalam pendapatan, peningkatan dalam taraf pekerjaan dan pendidikan. Kepesatan pembangunan juga berpotensi menjana impak sosial yang berbeza berdasarkan kuantum, jenis dan skala pembangunan, perletakan kawasan pemajuan, kesedianan petempatan berhampiran dan sebagainya. Sehubungan itu, jenis pembangunan yang tertakluk kepada SIA telah dikategorikan sebagaimana berikut :

3.1 SIA Kategori A meliputi projek pembangunan di bawah seksyen 20B dan subseksyen 22(2A), Akta 172 iaitu pembangunan yang perlu mendapat nasihat di peringkat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN). Antaranya adalah projek penebusgunaan pinggir laut, infrastruktur utama negara seperti lapangan terbang, pelabuhan, rangkaian pengangkutan keretapi, lebuhraya, kemudahan utama, perbandaran baharu serta infrastruktur lain berkepentingan negara (Rujuk PPSIA Bagi Projek Pembangunan, 2023 oleh PLANMalaysia Ibu Pejabat). Panduan Pelaksanaan Akta (PPA)172 - PPA 02, PPA 13 dan PPA 14 dirujuk bersama bagi permohonan projek di bawah SIA Kategori A. Laporan SIA disenaraikan sebagai dokumen yang diperlukan bagi permohonan ke MPFN.

3.2 SIA Kategori B meliputi projek-projek yang akan ditentukan oleh PLANMalaysia Negeri atau Pihak PBT dan boleh dikemaskini dari semasa ke semasa. Umumnya SIA Kategori B meliputi projek-projek selain daripada yang di bawah SIA Kategori A, tetapi dikenalpasti mempunyai impak sosial yang ketara, dan tidak mencukupi untuk hanya dipertimbangkan melalui Laporan Cadangan Pemajuan yang disediakan di bawah Perenggan 21A(1)(ea), Akta 172. Oleh itu mesyuarat penyelarasan peringkat negeri yang bersidang pada 6 Mei 2024 telah bersetuju jenis pembangunan yang tertakluk di bawah SIA Kategori B adalah seperti Jadual 1.1 berikut:



Rangkaian Lebuhraya

An aerial photograph of a bustling port. In the foreground, there is a massive stack of shipping containers in various colors like red, blue, green, and white. Large blue and white straddle carriers are positioned between the stacks. In the middle ground, a long pier extends into a body of water, with several trucks and small buildings visible on it. The background shows more of the port infrastructure under a clear blue sky.

SIA KATEGORI A

JADUAL 3.1 : SIA Kategori A Negeri Melaka

BIL	KATEGORI	JENIS PEMBANGUNAN	CIRI-CIRI PEMBANGUNAN
1.	Penebusgunaan Pinggir Laut	<ul style="list-style-type: none"> Penebusgunaan kawasan pantai atau penambakan laut di persisir pantai. Pulau buatan manusia. 	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti yang melibatkan kawasan seluas 50 hektar atau lebih. Tidak termasuk penebusgunaan untuk pembinaan jeti dan pemulihian pantai.
2.	Infrastruktur (Lapangan Terbang)	<ul style="list-style-type: none"> Lapangan Terbang Antarabangsa Lapangan Terbang Domestik. Lain-lain lapangan terbang yang tertakluk di bawah Akta Penerbangan Awam 1969. 	<ul style="list-style-type: none"> Pembinaan lapangan terbang baharu. Pembinaan landasan kapal terbang baharu di lapangan terbang sedia ada sepanjang 1,000 meter atau lebih. Projek menaiktaraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada.
3.	Infrastruktur (Pelabuhan Laut/Darat)	<ul style="list-style-type: none"> Pelabuhan Nasional Pelabuhan Wilayah Pangkalan Tentera Laut Pelabuhan Laut Swasta (termasuk terminal kontena) di bawah Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1990 (Akta 422) 	<ul style="list-style-type: none"> Projek naik taraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada. Perkhidmatan pemindahan kargo (termasuk minyak dan gas) di antara dua buah kapal di kawasan operasi yang dibenarkan di sesuatu had pelabuhan yang diwartakan.
4.	Infrastruktur (Rangkaian Pengangkutan Kereta Api)	<ul style="list-style-type: none"> Jenis pembangunan dan stesen kereta api yang tertakluk dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. 	<ul style="list-style-type: none"> Landasan yang merentasi antara bandar yang melibatkan dua negeri (termasuk Wilayah Persekutuan) atau lebih. Melibatkan landasan yang merentasi sempadan negara.

BIL	KATEGORI	JENIS PEMBANGUNAN	CIRI-CIRI PEMBANGUNAN
5.	Infrastruktur (Rangkaian Lebuh Raya)	<ul style="list-style-type: none"> Lebuh raya Ekspres di bawah piawaian reka bentuk R6/U6. Lebuh raya di bawah piawaian reka bentuk R5/U5. 	<ul style="list-style-type: none"> Lebuh raya baharu yang merentasi dua negeri (termasuk Wilayah Persekutuan) atau lebih. Projek naik taraf jalan yang merentasi dua negeri (termasuk Wilayah Persekutuan) atau lebih.
6.	Kemudahan Utama (Tapak Pembuangan Sisa Toksik)	<ul style="list-style-type: none"> Tapak Pembuangan Sisa Berjadual yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989 (Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974). 	<ul style="list-style-type: none"> Semua tapak pembuangan sisa toksik. Projek naik taraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada.
7.	Kemudahan Utama (Stesen Jana Kuasa)	<ul style="list-style-type: none"> Loji dan stesen jana kuasa yang tertakluk di bawah Akta Bekalan Elektrik 1190 (Akta 447). Laluan paip gas. 	<ul style="list-style-type: none"> Semua loji dan stesen jana kuasa yang melebihi 100 MW. Laluan paip gas merentasi lebih dari 50km.
8.	Kemudahan Utama (Empangan)	<ul style="list-style-type: none"> Empangan yang dibina atas tujuan berikut : <ol style="list-style-type: none"> Pengairan Bekalan air Skim hidroelektrik 	<ul style="list-style-type: none"> Melibatkan empangan/kolam takungan air dengan kawasan permukaan air seluas 100 hektar atau lebih. Empangan/kolam takungan air yang dibina dengan struktur ketinggian 10m atau lebih. Projek menaik taraf empangan melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada.

BIL	KATEGORI	JENIS PEMBANGUNAN	CIRI-CIRI PEMBANGUNAN
9.	Perbandaran Baharu (Perbandaran Baharu)	<ul style="list-style-type: none">• Pembangunan bercampur• Perumahan• Komersial• Industri	<ul style="list-style-type: none">• Keluasan melebihi 100 hektar atau bilangan penduduk melebihi 10,000 orang.
10.	Kawasan Sensitif Alam Sekitar (Pembangunan di Puncak atau Lereng Bukit).	<ul style="list-style-type: none">• Pembangunan bercampur• Perumahan• Komersial	<ul style="list-style-type: none">• Pembangunan di kawasan yang melibatkan keluasan ≥ 20 hektar.• Kawasan pembangunan mempunyai lebih daripada 50% kawasan berkecerunan 25°.• Cadangan pembangunan yang berdensiti tinggi atau ≥ 40 unit per ekar, 100 unit per hektar) bagi cadangan perumahan dan $\geq 1:4$ nisbah plot bagi perniagaan.

The background image shows a tall, dark metal electrical pylon standing in a field of green grass. Numerous black power lines radiate from the top of the pylon to other pylons in the distance under a vast, blue sky filled with white and grey clouds.

SIA KATEGORI B

JADUAL 3.2 : SIA Kategori B Negeri Melaka

BIL	KATEGORI	JENIS PEMBANGUNAN	CIRI-CIRI PEMBANGUNAN
1.	Perindustrian	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perindustrian baharu. • Loji dan pusat penapisan minyak dan gas. 	<ul style="list-style-type: none"> • Industri berat dan sederhana, > 50 hektar; atau • Semua loji/ pusat penapisan minyak dan gas tanpa mengira saiz; atau • Terletak dalam lingkungan 500 m dari kawasan perumahan sedia ada atau bagi mana-mana industri yang terletak bersebelahan dengan zoning perumahan; atau • Pembangunan tambahan industri yang melebihi 5 ekar dari kawasan sedia ada; atau • Pembangunan industri yang berpotensi memberi impak kepada kawasan sekitar.
2.	Pengurusan Sisa	<ul style="list-style-type: none"> • Insinerator. • Tapak pelupusan sisa pepejal. • Tapak pelupusan sisa lengai. • Stesen pemindahan sisa pepejal. 	<ul style="list-style-type: none"> • Semua jenis pusat pengurusan sisa pepejal dan insinerator. • Cadangan tapak baru dan perluasan tapak sediada (tambahan melebihi 50% daripada keluasan asal).
3.	Tenaga dan Utiliti	<ul style="list-style-type: none"> • Laluan paip gas. • Pencawang Masuk Utama (PMU) • Rentis Elektrik 	<ul style="list-style-type: none"> • Melibatkan pembinaan laluan paip gas; • Pembinaan yang boleh menyebabkan pemecahan komuniti atau pecah tanah (severance) akibat daripada halangan fizikal; • Boleh menyebabkan risiko keselamatan letupan, kebakaran atau kebocoran daripada aktiviti tersebut dan kerja-kerja penyelenggaraan kepada komuniti; dan • Melibatkan pengambilan balik tanah.

BIL	KATEGORI	JENIS PEMBANGUNAN	CIRI-CIRI PEMBANGUNAN
4.	Jalan Raya	Jalan Utama di bawah piawaian reka bentuk R4/U4.	<ul style="list-style-type: none"> Jalan-jalan utama yang menghubungkan bandar-bandar dan kawasan luar bandar di dalam negeri; atau Pemecahan komuniti atau pecah tanah (severance) akibat daripada halangan fizikal. Risiko keselamatan komuniti setempat melibatkan pembinaan struktur berat. Impak bunyi bising sewaktu pembinaan dan operasi dan kesannya terhadap daya huni sesuatu kawasan. Pengambilan balik tanah.
5.	Penebusgunaan Pinggir Laut	Penebusgunaan pinggir laut.	<ul style="list-style-type: none"> Tidak termasuk penebusgunaan untuk pembinaan jeti atau pemulihian pantai (Oleh JPS), dan Di dalam kawasan konsep pembangunan SM-WEZ.
6.	Rumah Pekerja	<ul style="list-style-type: none"> Pusat penempatan pekerja (centralised labour quarters, CLQ). 	<ul style="list-style-type: none"> CLQ baharu dengan pekerja \geq 1,000 orang; Pembesaran CLQ sedia ada dengan kapasiti melebihi 1,000 pekerja.

BIL	KATEGORI	JENIS PEMBANGUNAN	CIRI-CIRI PEMBANGUNAN
7.	Komersial	<ul style="list-style-type: none"> • Taman tema dalam lingkungan 500 m dari kawasan perumahan. • Hypermarket/Superstore – <1.6 km dari kawasan perumahan. • Pangsapuri Perkhidmatan/SOHO (>500unit/2,500 penduduk); • Superstore (>1,500mps - <3,000mps); • Hypermarket (> 3,001mps); • Pembangunan IPTS yang menyumbang kepada sensitiviti masyarakat sekitar; • Hospital swasta baharu – 10 ekar dan ke atas; dan • Tambahan Hospital swasta melebihi daripada kawasan 50% dan ke atas. 	
8.	Kawasan Perkuburan/ Krematorium (Pembakaran mayat) / Kolumbarium	<ul style="list-style-type: none"> • Semua jenis perkuburan Swasta (mengikut kaum); • Semua jenis Krematorium; dan • Semua jenis Kolumbarium 	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan perkuburan yang berskala besar yang menyumbang kepada sensitiviti masyarakat sekitar; • Terdapat di sekitarnya petempatan-petempatan yang dikhuatiri boleh menjelas kesejahteraan hidup, menjelas perpaduan komuniti, dan lain-lain impak; dan Kolumbarium tidak mengira saiz.
9.	Lain-lain projek pembangunan selain di atas yang ditentukan oleh PLANMalaysia Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa.		

4.0 KADAR BAYARAN FI PERMOHONAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) KATEGORI B DAN BAYARAN HONARARIUM BAGI AHLI PAKAR

Mesyuarat JPN Negeri Melaka Bil.2/2024 bertarikh 6 Jun 2024 dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah bersetuju untuk menetapkan kadar bayaran Fi Permohonan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Kategori B seperti Jadual 4.1 seperti berikut :

JADUAL 4.1: Fi Pemprosesan Permohonan SIA kategori B

Fi Permohonan SIA Negeri Melaka	Bayaran Honararium Panel	Caj Pemprosesan (Kerajaan Negeri)
RM2,000.00	RM 500.00 x 3 = RM1,500.00	RM500.00

PLANMalaysia Melaka selaku urusetia kepada Permohonan SIA kategori B akan melaksanakan bayaran Honararium kepada Panel Penilai Pakar bagi Mesyuarat SIA Negeri Melaka seperti Jadual 4.2 berikut :

JADUAL 4.2 : Bayaran Honararium Mesyuarat SIA Negeri Melaka

Panel Penilai Pakar	Bayaran Honararium bagi setiap Mesyuarat SIA bersidang
Panel Penilai Pakar Malaysian Institute of Planners (MIP)	RM500.00 X 1
Panel Penilai Pakar Malaysian Association of Social Impact Assessment (MSIA)	RM500.00 X 1
Panel Penilai Pakar Universiti (Akademik)	RM500.00 X 1



PROSES PENILAIAN LAPORAN SIA

5.0 PENILAIAN LAPORAN SIA

Panel Penilai Laporan SIA

Bagi menilai laporan SIA di bawah SIA Kategori A dan SIA Kategori B yang telah disediakan oleh perunding SIA, Panel Penilai Laporan SIA peringkat Persekutuan telah ditubuhkan. Panel ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah PLANMalaysia, dan sekiranya perlu penurunan kuasa kepada Timbalan Ketua Pengarah boleh dibuat dengan persetujuan Ketua Pengarah PLANMalaysia.

Panel ini terdiri daripada beberapa agensi di peringkat persekutuan, PLANMalaysia Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan, serta ahli pakar yang dilantik yang terdiri daripada Malaysian Institute of Planner (MIP), Malaysian Association of Social Impact Assessment (MSIA) dan ahli akademik (Rujuk jadual 4.1)

Jadual 5.1 : Keanggotaan Panel Penilai Laporan SIA Peringkat Persekutuan

Pengerusi	Ketua Pengarah PLANMalaysia - Pengerusi
Ahli Tetap	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
	Unit Perancang Ekonomi (EPU) (Seksyen Sosial);
	Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU), JPM;
	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN);
	PLANMalaysia Negeri berkaitan;
	PBT berkaitan;
Ahli Pakar SIA	Ahli Pakar Penilaian Impak Sosial (wakil MIP);
	Ahli Pakar Penilaian Impak Sosial (wakil MSIA); dan
	Ahli Pakar Penilaian Impak Sosial (wakil dari bidang Akademik);
Ahli Turut Hadir	Kementerian dan agensi berkaitan peringkat Persekutuan;
	Agensi berkaitan peringkat Negeri/tempatan;
	PLANMalaysia – Ahli yang dilantik; dan
	NGO yang berkaitan.
Urusetia	PLANMalaysia

Antara fungsi Panel Penilai Laporan SIA adalah:

1. Meluluskan laporan SIA, sama ada **Lulus Sepenuhnya** atau **Lulus Dengan Pindaan** atau **Tidak Meluluskan** laporan SIA;
2. Memberi input-input kepakaran bagi menambahbaik laporan SIA;
3. Memastikan kandungan laporan SIA menepati kehendak-kehendak Manual Penyediaan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Projek Pembangunan Edisi Ke-2; dan
4. Memastikan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang disertakan adalah menyeluruh dan berkesan.

Bagi menilai laporan SIA yang melibatkan SIA Kategori B pula, Panel Penilai Laporan SIA akan dipengerusikan oleh Pengarah PLANMalaysia di peringkat negeri. Panel ini terdiri daripada beberapa agensi di peringkat Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan ahli pakar yang dilantik terdiri daripada ahli pakar perancang bandar, ahli pakar sosial dan ahli pakar berkaitan teknik dan metodologi. (Rujuk jadual 5.2).

Jadual 5.2 : Keanggotaan Panel Penilai Laporan SIA Peringkat Negeri Melaka

Pengerusi	Pengarah PLANMalaysia Negeri
Ahli Tetap	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN);
	Pejabat Pembangunan Negeri (SDO);
	Jabatan Kebajikan Masyarakat;
	PBT berkaitan;
Ahli Pakar SIA	Ahli Pakar Penilaian Impak Sosial (wakil MIP);
	Ahli Pakar Penilaian Impak Sosial (wakil MSIA); dan
	Ahli Pakar Penilaian Impak Sosial (wakil dari bidang Akademik);
Ahli Turut Hadir	Kementerian dan agensi berkaitan peringkat Persekutuan
	Agensi berkaitan peringkat persekutuan
	PLANMalaysia – Ahli yang dilantik dan
	NGO yang berkaitan
Urusetia	PLANMalaysia

PPSIA ini juga menyediakan panduan-panduan baharu bagi proses penyediaan Laporan SIA untuk lebih teratur dan proses tersebut adalah seperti berikut;

a. **Proses penyediaan kajian Laporan SIA dalam proses Kebenaran Merancang (KM)**

Di Negeri Melaka, kelulusan Laporan SIA bagi Kategori B perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan KM di Unit Pusat Setempat (OSC). Ini adalah kerana kajian SIA perlu bermula seiring dengan proses merancang dan mereka bentuk pelan cadangan susun atur pembangunan. Dapatkan kajian melalui sesi penglibatan komuniti digunakan dalam memilih alternatif susun atur terbaik sebelum rekabentuk pembangunan dimuktamadkan dan perunding mengemukakan cadangan pembangunan kepada OSC untuk kelulusan KM.

b. **Prosedur Penilaian SIA (Kategori B)**

Proses 1: Pengumpulan Maklumat/ Pra-Perbincangan

Pra-Perbincangan adalah diperlukan bagi mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat berkenaan keperluan penyediaan Laporan SIA Kategori B. Proses ini secara tidak langsung dapat membantu penggerak projek menyediakan Laporan SIA mengikut keperluan dan prosedur semasa. Pra perbincangan dibuat bersama urusetia SIA PLANMalaysia Melaka atau PBT berkenaan keperluan penyediaan Laporan SIA khusus atau Analisis Impak Sosial (AIS) di dalam Laporan Cadangan Pemajuan (LCP).

Bagi Laporan SIA di peringkat Ibu Pejabat yang memerlukan pertimbangan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Panel Penilai SIA Negeri Melaka hendaklah mengemukakan laporan dan surat secara rasmi dari ibu pejabat.

Proses 2: Penyediaan Laporan SIA Kategori B

Penggerak Projek perlu membuat kajian penentuan data asas (baseline study), saringan dan pembidangan, pengumpulan data, jangkaan dan penilaian impak, langkah-langkah mitigasi, pelan pengurusan impak sosial merujuk kepada PPSIA.

Proses 3: Pengemukaan Laporan SIA

Pengemukaan Laporan SIA Kategori B kepada Urusetia SIA PLANMalaysia Melaka adalah seperti berikut:

JADUAL 5.3: Kategori Pengemukakan Laporan SIA

KOMPONEN	KATEGORI B
Agensi Yang Memproses Laporan	PLANMalaysia Melaka
Fi Permohonan	RM 2,000.00 bagi setiap mesyuarat
Pengemukaan Laporan Oleh Penggerak Projek/ Perunding SIA	<ul style="list-style-type: none">• Minimum 15 salinan laporan dalam bentuk ‘hardcopy’ dan 1 salinan CD dalam bentuk format PDF.• Laporan perlu disediakan dalam Bahasa Kebangsaan.
Tempoh Penilaian Sehingga Keputusan Mesyuarat	30 hari bekerja
Pengerusi Mesyuarat Panel Penilai	Pengarah PLANMalaysia Melaka

Proses 4: Semakan Awal Laporan SIA

Urus setia akan membuat semakan ke atas Laporan SIA yang disediakan samada memenuhi keperluan senarai semak dan format PPSIA. Setiap permohonan Laporan SIA yang lengkap sahaja akan diedarkan kepada Panel Penilai Laporan SIA sebelum dibawa dalam Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Negeri Melaka.

Proses 5: Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA

Mesyuarat Panel Penilai SIA akan dipengerusikan oleh Pengarah PLANMalaysia Melaka bagi membincangkan ulasan-ulasan teknikal yang berkaitan untuk proses kelulusan Laporan SIA. Penggerak Projek perlu membuat pembentangan terperinci berkeraan dengan Laporan Penilaian Impak sosial di kawasan tapak cadangan pembangunan tersebut.

Proses 6: Pemakluman Keputusan

Mesyuarat Panel Penilai SIA Kepada Penggerak projek Keputusan Mesyuarat Panel Penilai SIA akan dimaklumkan dalam masa lima (5) hari bekerja.

Proses 7: Pemantauan dan Audit

Pelan Pengurusan Impak Sosial (Social Impact Management Plan, SIMP), disediakan untuk memastikan segala tindakan yang diperakukan oleh kajian SIA dijalankan dengan lancar. Pemantauan dilakukan untuk menentukan samada impak negatif sosial yang telah dikenalpasti dapat dikawal. SIMP yang telah disediakan lebih awal mestilah digunakan sebagai asas pemantauan. Ia adalah satu proses berterusan dan dikendalikan pada peringkat akhir pelaksanaan untuk mengukur keberkesanan pembangunan. Perincian SIMP adalah seperti berikut

a. Pemantauan dan Audit


- i. SIMP adalah prosedur penting di dalam Laporan SIA. SIMP ialah sistem pengurusan yang menggariskan strategi yang perlu diambil sepanjang tempoh pembangunan projek bagi memantau, melapor, menilai, menyemak dan bertindak balas secara proaktif terhadap impak sosial yang disebabkan oleh cadangan pembangunan.
- ii. Proses pemantauan SIMP adalah merangkumi penilaian kesan terhadap alam sekitar, ekonomi, fizikal dan sosial. Selain itu, proses ini juga adalah merangkumi langkah-langkah mitigasi yang melibatkan rundingan bersama komuniti terjejas dan kerjasama penggerak projek bersama agensi teknikal dan kumpulan berkepentingan.
- iii. Pemantauan terhadap SIMP perlu dijalankan oleh penggerak projek selepas Laporan SIA diluluskan. Laporan pemantauan pula perlu disediakan secara berkala iaitu enam (6) bulan sekali oleh penggerak projek dan perlu diserahkan kepada urus setia SIA, PBT atau agensi yang berkenaan dan penggerak projek boleh dipanggil untuk membentangkan hasil pemantauan sekiranya perlu.
- iv. Peringkat pelaksanaan proses pemantauan adalah melibatkan peringkat selepas kelulusan Laporan SIA, peringkat perancangan, peringkat pembinaan dan peringkat operasi.
- v. Manakala peringkat audit adalah penting untuk menilai pematuhan keselurusan projek dan memastikan langkah-langkah mitigasi adalah berkesan dalam mengatasi atau meminimumkan impak sosial kepada masyarakat sekitar. Audit juga membuka peluang kepada penggerak projek untuk mengenalpasti penambahbaikan sewajarnya dalam pengurusan impak sosial.

PANDUAN PELAKSANAAN PELAKSANAAN PENILAIAN IMPAK
SOSIAL PROJEK PEMBANGUNAN (PPSIA) NEGERI MELAKA


- vi. Dalam Proses SIA peringkat audit boleh dilaksanakan secara sukarela oleh penggerak projek selepas kerja-kerja pembangunan cadangan projek bermula dan diteruskan sepanjang tempoh hayat projek.
- vii. Proses audit boleh dilaksanakan menerusi pengaudit bebas yang dilantik khas oleh penggerak projek. Dalam proses pengauditan, perbandingan antara impak jangkaan dan impak sebenar akan dilakukan.



Rajah 5.2 Carta Alir Proses Penilaian SIA Kategori A



Rajah 5.1 Carta Alir Proses Penilaian SIA Kategori B



Tindakan Penggerak Projek
Tindakan Urus Setia SIA



CATATAN



Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka
(PLANMalaysia Melaka)

Tel : 06-333 3333 samb. 5135

Faks : 06-232 3443

Emel : jpbdmelaka@melaka.gov.my

Laman web : <https://www.jpbdmelaka.gov.my>